

29 MAY 2003

Mahathir-Kesatuan

DR MAHATHIR: KESATUAN SEKERJA PERLU BERTINDAK BERDASARKAN KEWARASAN

KUALA LUMPUR, 29 Mei (Bernama) -- Kesatuan-kesatuan sekerja perlu bertindak berdasarkan kewarasan dan bukannya berdasarkan kekuatan dalam membuat sesuatu tuntutan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Jika kesatuan sekerja merasa kuat dan buat tuntutan tidak ambil kira kesan kepada perniagaan, majikan dan negara, akibatnya pekerja sendiri akan menderita," kata Perdana Menteri dalam amanat pada perhimpunan Hari Pekerja 2003 bagi sektor anggota awam di sini.

Perdana Menteri berkata kesatuan sekerja dalam membuat sebarang tuntutan juga perlu berdasarkan kepada kemampuan majikan.

Dr Mahathir berkata kesatuan sekerja tempatan apabila hendak sesuatu, perlu mengira kemampuan "pihak yang memberi" dan keadaan ekonomi negara.

Beliau berkata apabila keadaan ekonomi tidak begitu baik, banyak syarikat menghadapi masalah dan negara akan rugi kerana kerajaan tidak dapat mengutip cukai.

"Dengan itu kerajaan tidak dapat menambah pendapatan seperti yang diharapkan, dan akhirnya kemampuan negara berkurangan kerana pelaburannya tidak memberi pulangan yang sewajarnya," katanya.

Beliau berkata kesatuan sekerja tempatan tidak sepatutnya mengikut rentak kesatuan sekerja Barat yang begitu angkuh dan menuntut bukan-bukan sehingga mengakibatkan negara mereka menghadapi masalah ekonomi dan industri terpaksa ditutup.

Kesatuan sekerja di Barat juga lebih suka menggunakan cara "konfrontasi" dalam menuntut sesuatu dan ini telah memberikan kesan negatif kepada ekonomi negara mereka, katanya.

Perdana Menteri berkata sebagai contohnya, Britain, yang sebelum ini terkenal sebagai negara yang mengeluarkan kereta tetapi kerana kesatuan sekerja yang begitu menekan, ia kini tidak berupaya mengeluarkan kereta sendiri kerana produktiviti dan mutu kerja pekerja yang rendah.

"Akhirnya Britain kini hanya mengeluarkan kereta Jepun, Nissan, manakala syarikat keretanya yang mengeluarkan kereta jenis Morris dan Austin telah ditutup sementara syarikat kereta Rolls Roycena telah dijual kepada Jerman, Jaguar kepada Amerika Syarikat dan Lotus kepada Malaysia," katanya.

"Apabila kesatuan sekerja besar dan kuat, keupayaannya menimbang telah terhakis, dan ia tidak dapat membezakan antara yang baik dan buruk," kata Dr Mahathir yang menambah kata jika tuntutan kesatuan sekerja itu wajar, maka ia perlu diberi layanan.

Dr Mahathir turut memuji Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) yang tidak membuat tuntutan bukan-bukan, selain bersikap bertolak ansur dalam tuntutananya.

Beliau berkata sikap sebegini dapat menyelamatkan negara daripada semua segi.

"Bukan nak halang hak pekerja tetapi menjelaskan situasi," katanya apabila menjelaskan keperluan kesatuan itu berbincang dan bertolak ansur dengan kerajaan mengenai sesuatu tuntutan.

Dr Mahathir juga berharap hubungan antara kerajaan dan kesatuan sekerja dapat berterusan dengan sikap yang rasional dan "jika hubungan ini dapat diteruskan, negara akan maju dan dapat menikmati kemajuan."

-- BERNAMA

HK AZZ MOZ